

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.11.2016

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah rasionalnya cadangan penstrukturan semula cukai jualan rokok dan minuman keras serta kawalan cukai ke atas kenderaan yang dibawa masuk ke tiga lokasi pulau bebas cukai iaitu Pulau Langkawi, Wilayah Persekutuan Labuan dan Pulau Tioman; dan
- (b) adakah juga, pada akhirnya status bebas cukai tempat ini akan dihapuskan.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, melalui pembentangan Pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari 2016 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan untuk menstrukturkan semula saluran jualan rokok dan minuman keras serta kawalan ke atas kenderaan yang dibawa masuk ke tiga lokasi Pulau Bebas Cukai iaitu Pulau Langkawi, Pulau Labuan dan Pulau Tioman. Cadangan ini dilaksanakan bagi tujuan untuk membendung ketirisan hasil duti/cukai akibat daripada penyeludupan produk tersebut daripada Pulau Bebas Cukai (PBC) ke mana-mana bahagian di Malaysia iaitu Kawasan Utama Kastam (KUK). Langkah ini akan dikuatkuasakan mulai 1 November 2016.

Cadangan tersebut melibatkan saluran jualan rokok dan minuman keras yang dihadkan kepada jualan di Kedai Bebas Cukai (KBC) yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sahaja. Had pembelian rokok dan minuman keras kepada penduduk tempatan juga adalah ditetapkan bagi memudahkan kawalan JKDM ke atas saluran pergerakan kedua-dua produk bebas duti/cukai ini. Langkah penstrukturan semula ke atas saluran jualan produk rokok dan minuman keras di dalam PBC **tidak akan menjejaskan kemudahan bebas duti/cukai yang dinikmati oleh penduduk tempatan dan pelancong di PBC tersebut.**

Bagi kawalan ke atas kenderaan pula, tempoh kenderaan yang didaftarkan di PBC untuk dibenarkan berada di KUK akan dipinda daripada tidak lebih 30 hari bagi setiap perjalanan sehingga maksimum 90 hari setahun **kepada** tidak lebih 90 hari setahun. Selain itu, pergerakan keluar kenderaan yang didaftarkan di PBC ke KUK juga akan dikawal melalui pengenalan Bon Am bagi kenderaan berkapasiti enjin tidak melebihi 2,500 cc manakala kenderaan yang melebihi 2,500 cc dan ke atas akan dikenakan *bank guarantee* (BG) sebanyak 50% daripada jumlah keseluruhan duti/cukai yang terlibat. Kemudahan penggunaan Bon Am ini turut diperluaskan ke atas semua jenis kenderaan '*pick-up truck*' dan kategori kenderaan yang seumpama dengannya, sebagai suatu fasilitasi kepada penduduk di PBC dan Kerajaan berharap kemudahan ini memberi manfaat secara langsung kepada penduduk di PBC tersebut.

Selain itu, berhubung status bebas cukai pula, adalah ditegaskan bahawa status PBC di ketiga-tiga pulau ini masih lagi kekal dan langkah yang diambil semata-mata untuk membendung penyalahgunaan kemudahan bebas cukai di PBC yang ternyata memberi implikasi kerugian hasil yang besar pada masa lepas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan perincian antara 2000-2015 mengenai rawatan fasiliti di semua hospital dan klinik Kerajaan mengikut negeri, bilangan pesakit berdasarkan kewarganegaraan dan pendapatan isi rumah, hasil yang dikutip, nilai subsidi dan strategi untuk mengutip bayaran tertunggak, mencecah RM30.47 juta (2012-2014).

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sama ada sebagai pesakit dalam atau pesakit luar bertambah dari tahun ke tahun. Bagi tempoh 2003 hingga 2015, jumlah kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar di fasiliti KKM adalah 32.7 juta pada tahun 2003 meningkat

kepada 62.6 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan pesakit dalam di hospital-hospital KKM seluruh negara adalah 2.5 juta pesakit pada tahun 2015 berbanding 1.7 juta pesakit pada tahun 2003. Sementara itu, jumlah kedatangan pesakit luar yang direkodkan di hospital dan fasiliti kesihatan seperti klinik kesihatan dan klinik desa adalah 58.9 juta kedatangan pada tahun 2015 berbanding 30.9 juta kedatangan pada tahun 2003. Mulai tahun 2012, statistik kedatangan pesakit bagi perkhidmatan Rawatan Harian telah dikumpulkan di mana pada tahun tersebut sebanyak 333,429 kedatangan telah direkodkan, manakala pada tahun 2015, jumlah kedatangan mencecah 1.3 juta.

Jumlah kemasukan dan kedatangan pesakit di hospital dan fasiliti kesihatan KKM pada tahun 2003 paling tinggi dicatatkan di negeri Sabah, diikuti dengan Sarawak dan Perak, manakala pada tahun 2015, jumlah paling tinggi adalah di negeri Selangor, diikuti dengan Johor dan Perak.

Bagi tempoh 2003 hingga 2015, lebih kurang 98 peratus kemasukan dan kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan KKM terdiri daripada warganegara Malaysia dan sebanyak dua (2) peratus adalah bukan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kutipan hasil rawatan perubatan di fasiliti hospital dan klinik Kerajaan bagi tahun 2000 adalah berjumlah RM94,132,845.11 dan meningkat kepada RM353,846,985.24 pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengutip bayaran tertunggak seperti melaksanakan *Standard Operating Procedure (SOP)* berhubung kutipan hasil dengan memastikan pesakit membuat bayaran deposit dan caj rawatan bagi kemasukan ke hospital.

Bagi kes-kes kecemasan dimana pesakit perlu dimasukkan ke wad dengan segera tanpa bayaran deposit, pesakit akan dimaklumkan untuk membayar deposit berkenaan dan segala usaha akan diambil bagi mengutip bayaran deposit atau caj rawatan tersebut. Selain daripada itu, pihak wad juga sentiasa memantau dan mengemaskini kepingan caj setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit yang mempunyai bil melebihi jumlah deposit.

Dalam usaha mengutip jumlah yang perlu dibayar oleh pesakit warga asing pula, pihak hospital juga memastikan rekod-rekod pesakit seperti alamat, nombor telefon dan waris yang boleh dihubungi adalah lengkap sebelum pesakit didiscaj. Sekiranya pesakit masih juga gagal membuat bayaran, notis tuntutan secara berjadual akan dikemukakan kepada pesakit bagi menuntut bayaran yang tertunggak. Selain itu, bil-bil rawatan yang tertunggak juga dikemukakan ke Pejabat Konsul atau Kedutaan untuk tujuan pembayaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFFIN
TARIKH : 8.11.2016
SOALAN : NO.17

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik kemasukan pelajar orang asli ke universiti di dalam dan luar negara bagi tahun 2015 hingga 2016 dan apakah tindakan strategi yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan lagi tahap kemasukan orang asli ke institusi pendidikan tinggi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan pelajar Orang Asli pada Sesi Akademik 2016/2017 adalah sebanyak 607 permohonan berbanding Sesi Akademik 2015/2016 sebanyak 719 permohonan, iaitu pengurangan sebanyak 16%. Pada Sesi Akademik 2016/2017, daripada sebanyak 344 calon yang layak, sebanyak 284 calon (83%) telah berjaya ditawarkan tempat. Manakala pada Sesi Akademik 2015/2016 pula daripada sebanyak 626 calon yang layak, hanya 325 calon (52%) telah berjaya ditawarkan tempat.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha meningkatkan lagi tahap kemasukan pelajar Orang Asli ke Institusi Pendidikan Tinggi. Antara tindakan yang diambil adalah:

- (a) menyediakan mode kemasukan Orang Asli melalui Laluan Khas kemasukan untuk golongan Orang Asli bagi menjamin golongan ini mendapat tempat di universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA.
- (b) mengadakan siri program jelajah Outreach dengan kerjasama dari Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) bagi memberi maklumat dan pendedahan yang lebih terperinci cara membuat permohonan dan syarat-syarat kemasukan ke Universiti, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
TARIKH : 8.11.2016
SOALAN : NO. 18

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana kesan pengurangan bajet pendidikan tinggi dalam Belanjawan 2016 kepada pelajar, pensyarah, kakitangan dan universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan bajet Pendidikan Tinggi dalam Belanjawan 2016 tidak memberikan kesan secara langsung kepada pelajar, pensyarah dan kakitangan Universiti secara keseluruhan.

Pengurangan peruntukan kepada Universiti Awam (UA) adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Lonjakan 5: Kemampuan Kewangan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Ini merupakan satu pemangkin kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap peruntukan Kerajaan. Pengurangan peruntukan ini perlu dilihat secara positif dan mampu melatih pihak UA supaya lebih efisien dalam melaksanakan program masing-masing. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh UA dalam berhadapan dengan pengurangan peruntukan Kerajaan adalah:

- i. menggiatkan lagi usaha menambah pendapatan dalaman dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada;
- ii. menggunakan kepakaran sedia ada daripada sumber manusia masing-masing dan aset bagi menjana pendapatan dalaman UA;

- iii. mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA supaya sumber pendapatan daripada anak syarikat dapat membantu UA dalam membiayai sebahagian perbelanjaannya;
- iv. mengoptimumkan kos dalam pendidikan tinggi melalui perbelanjaan secara berhemah dan cekap tanpa mengurangkan atau menjejaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat. Selain itu, UA turut melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap dan efisien melalui penggunaan elektrik dan air; dan
- v. meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos pendidikan tinggi di mana UA perlu mengeluarkan lebih *outcome* menggunakan sumber sedia ada atau sumber yang terhad.

Selain itu, KPT telah menggariskan juga beberapa inisiatif sebagai asas rujukan kepada UA dalam mengukuhkan kedudukan kewangan ialah:

- a) mengukuhkan jalinan alumni di dalam dan luar negara;
- b) membuka potensi aset;
- c) mewujudkan ekosistem keusahawanan;
- d) mewujudkan sistem kewangan wakaf dan endowmen; dan
- e) meningkatkan pengkomersialan produk dan idea.

KPT juga meneruskan pemberian biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar yang berkelayakan di mana KPT sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pendidikan tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia. Langkah ini dipraktikkan bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang

berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara. Ini merupakan usaha berterusan pihak Kerajaan yang sentiasa meluaskan peluang dan akses pengajian tinggi melalui penyediaan pembiayaan kepada semua peringkat pelajar yang berkelayakan.

Walaupun berlakunya pengurangan Bajet 2016, KPT dan UA sentiasa komited dan terus berusaha untuk memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan dengan lestari.